

JULAI - SEPTEMBER 2023



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

Melahirkan Masa Depan Lestari



Imbas di sini untuk video eksklusif
Melahirkan Masa Depan Lestari



FGV adalah antara pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) terbesar dunia. 70% daripada Buah Tandan Segar (BTS) diperolehi daripada peneroka FELDA dan pekebun kecil, menjadikan FGV syarikat yang mengutamakan tanggungjawab sosial dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Kami ingin mendefinisikan semula peranan FGV sebagai sebuah syarikat yang memperjuangkan agenda makanan dan produk agri yang lestari untuk generasi akan datang.

FGV Holdings Berhad 800165-P

fgvholdings.com



fgvholdings



fgvholdings



FGV Holdings Berhad



FGV Holdings Berhad



FGV Holdings Berhad

Sambutan Hari Kemerdekaan 2023



Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga FGV yang telah hadir bagi memeriahkan Sambutan Hari Kemerdekaan 2023 pada Isnin, 28 Ogos. Warga FGV telah berkumpul di Aras 18 West, Wisma FGV demi satu tujuan iaitu untuk menyemarakkan Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-66.

Bertemakan Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan, suasana gamat dapat dilihat dengan kibarannya jalur gemilang di setiap pelusuk ruang. Turut bersama dalam program tersebut

adalah Dato' Shahrol Anuar Sarman, Pengerusi FGV, Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengurusan Kanan Kumpulan FGV.

Semasa program ini berlangsung, turut diperkenalkan logo baharu FGV Power dan "Re-Defining" FGV yang akan digunakan oleh warga FGV. Dato' Nazrul turut menerangkan dengan lebih terperinci tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan ke arah Re-Defining FGV.

Semoga program ini dapat memupuk

semangat patriotik dan semangat kerjasama seiring dengan PRIDE yang menjadi sandaran warga FGV dalam memupuk suasana kerja yang dinamik.

Selanjutnya:

<https://bit.ly/3OZDWEp>

<https://bit.ly/3r4OxFX>

Logo Terbaharu FGV Power & RE-Defining FGV



Video muzik dan juga video-video korporat terdapat dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta boleh dimuat turun di <https://bit.ly/3sJz9zr>



Barangan-barangan FGV Power akan diedarkan kepada petugas secara berperingkat. Nantikan!

EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Azmi Yaakop

EDITOR

Isnain Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias
Nur Affifah Baharim
Nurul Eisha Khairul Annuar
Nurul Sakinah Abd Aziz

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
fgvholdings.com

Sesi Panel FGV mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Sektor Kelapa Sawit



FGV telah mengadakan satu Sesi Panel tentang Perlindungan Kanak-Kanak dalam Sektor Minyak Sawit, pada 21 Julai di Lahad Datu, Sabah yang dihadiri oleh kira-kira 100 peserta terutamanya daripada pihak operasi FGV di Sabah. Sesi tersebut telah dirasmikan oleh Rahimi Hissan Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd.

Ahli-ahli panel untuk sesi tersebut termasuk Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah; Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), dan Project Liber8, sebuah

organisasi bukan kerajaan yang berfokuskan kepada peningkatan kesedaran orang ramai mengenai isu perdagangan manusia.

Objektif sesi panel tersebut adalah untuk meningkatkan pemahaman pihak operasi FGV tentang isu buruh dan perdagangan kanak-kanak, serta kepentingan perlindungan kanak-kanak dalam operasi FGV. Sesi panel ini merupakan sebahagian daripada program perlindungan kanak-kanak FGV yang bertujuan untuk menegakkan hak dan kepentingan terbaik kanak-kanak, selaras dengan Dasar Kelestarian Kumpulan FGV dan ikrar FGV

menentang buruh kanak-kanak pada tahun 2021.

Selain itu, pada awal tahun ini, FGV telah menerima pakai Pernyataan Polisi dan Garis Panduan mengenai Hak Kanak-Kanak. Sesi ini juga merupakan peluang baik bagi FGV untuk memperkenalkan komitmennya terhadap hak kanak-kanak, terutamanya dengan penerimapakaian Pernyataan Polisi dan Garis Panduan tersebut, serta membantu membentuk inisiatif FGV pada masa hadapan bagi membentuk persekitaran yang lebih selamat dan inklusif bagi kanak-kanak di bawah tanggungjawab FGV.

Lawatan Delegasi Angola ke FGV

Pada 2 Ogos, FGV berbesar hati menerima kunjungan daripada 10 orang wakil Kerajaan Angola termasuk Timbalan Menteri Kewangan dan Perbendaharaan serta Timbalan Menteri Ekonomi, Kementerian Ekonomi dan Perancangan.

Lawatan ini bertujuan untuk menjalin hubungan dan berkongsi pengetahuan dalam usaha menyokong agenda Transformasi Ekonomi Angola.

Lawatan ini memberi peluang kepada wakil-wakil dari Angola mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang FGV

dan bagaimana FGV telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui rangkaian perniagaannya. Dengan pertukaran maklumat dan pandangan antara kedua-dua pihak, diharapkan ini akan memberi dorongan yang penting kepada usaha Angola dalam melaksanakan transformasi ekonomi mereka.

Semoga hasil daripada lawatan ini akan membawa manfaat yang positif kepada



kedua-dua pihak dan memberi sumbangan yang bererti kepada pembangunan ekonomi global.

MSM ESG Talk: Inisiatif Green to Waste

MSM sentiasa proaktif dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Pada 4 Julai, MSM dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah bekerjasama menganjurkan *ESG Talk: Waste to Green Initiative* yang disertai seramai 130 orang mahasiswa daripada Fakulti



Teknologi Sains Perindustrian (PPTI).

Turut hadir di dalam program ini Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, Norazizi Adnan, Dekan Pusat Pengajian Teknologi Industri, Professor Datuk Ts. Dr. Abdul Khalil, Pengarah Boston Scientific Corporation Puspajaran Thoriappa serta pengurusan kanan MSM dan USM.

Antara topik yang dibentangkan adalah *Waste to Green Initiative* oleh Ahmad Fer-rouse daripada Kumpulan MSM, *Waste to Sustainable Raw Materials*



oleh Dr. Azniwati Abd Aziz (USM), *Innovative Medical Device and Waste Management* oleh Syafiq Aufa wakil daripada Boston Scientific Corporation dan *Schedule and Effluent Regulations* oleh Ts. Ramli Manap daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang.

Program MSM, Monday Plogging



MSM amat peka dan prihatin dengan kebersihan alam sekitar yang menjadi tanggungjawab bersama.

Pada 24 Julai, Jabatan Kewangan (Servis) telah menganjurkan program *Monday Plogging* dengan fokus utama untuk



melestarikan alam sekitar melalui inisiatif dibawah Tanggungjawab Sosial Korporat.

Seramai 63 Warga MSM dari lokasi ibu pejabat telah berganding bahu membersihkan sampah sarap di sekitar kawasan



Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Semoga usaha MSM untuk menjaga alam sekitar ini dapat dijadikan teladan dan dapat diamalkan oleh semua rakyat Malaysia.

Majlis Penyampaian Sumbangan Dana Bantuan SAJI Seikhlas Hati & Pemenang Peraduan Kempen SAJI Sentiasa Di Sisi



Majlis Penyampaian Sumbangan Dana Bantuan kepada 30 Institusi Kebajikan yang terdiri daripada 10 Institusi Orang Kurang Upaya (OKU), 8 institusi warga emas dan 12 institusi kanak-kanak telah berlangsung di Wisma FGV pada 20 Julai.

Sebanyak RM300,000.00 disumbangkan kepada institusi-institusi di bawah Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia terpilih dari seluruh negeri, hasil daripada Kempen "Infaq" SAJI Seikhlas Hati yang berlangsung dari Mac hingga Mei.

SAJI juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana sudi menjalinkan kerjasama strategik ini dalam usaha bersama-sama membantu masyarakat yang memerlukan.

Pada masa yang sama juga telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Hadiah buat 5 Pemenang Utama Peraduan SAJI Sentiasa Di Sisi.

Jutaan terima kasih SAJI ucapkan kepada semua penyertaan dan tahniah buat semua pemenang.

Majlis Sambutan Ulangtahun FGV Biotechnologies Ke-10



FGV Biotechnologies Sdn Bhd telah mengadakan satu Majlis Sambutan Ulangtahun FGVB yang ke-10.

Majlis telah diadakan pada 20 Julai di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan

bertemakan "Sedekad Bersama FGVB Memacu Kecemerlangan Berterusan".

Bersempena dengan sambutan ulangtahun tersebut, beberapa program *engagement* bersama petugas telah dilaksanakan.

Antara program yang telah di adakan adalah Bengkel Pemantapan Kerja Berkumpulan, Majlis *Hi-tea* bersama petugas FGVB dan juga perlawanan futsal.

Diharapkan program ini dapat mengukuhkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan petugas dan seterusnya memberikan impak yang lebih positif dalam memangkin kecemerlangan di masa hadapan.

Forum Kewangan Kumpulan FGV

Jabatan Kewangan Kumpulan FGV telah mengadakan forum kewangan yang disertai oleh Ketua-ketua Kewangan anak syarikat di bawah Kumpulan FGV. Forum ini dipengerusikan oleh Aznur Kama Azmir, Pengawal Kewangan Kumpulan FGV.

Forum ini telah diadakan di Hotel Majestic Kuala Lumpur. Ia bertujuan bagi membincangkan pencapaian kewangan bagi suku tahun pertama

2023, cabaran dan ramalan suku tahun kedua 2023, memorandum kawalan dalaman susulan daripada audit 2022, penilaian kualiti pelarasan dan penyata kewangan anak-anak syarikat, perkembangan semasa projek-projek dari Jabatan Kewangan, Jabatan Percukaian Kumpulan dan Jabatan Perbendaharaan Kumpulan dan isu-isu berbangkit yang lain.

Forum ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit FGV, Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad dan

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan FGV, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid. Dato' Rafik dalam ucapannya menyatakan peranan utama jawatankuasa audit adalah



memastikan pelaporan kewangan yang disediakan adalah benar dan adil. Di samping itu, beliau turut menyatakan kepentingan untuk melakukan pemerhatian di lapangan di mana ianya penting dan lebih tepat dalam menganalisa nombor dan memastikan maklumat yang diberikan adalah berkualiti. Dato' Rafik turut berkongsi pengalaman serta cabaran beliau sepanjang karier beliau sebagai pakar kewangan serta bekas pengurusan atasan di syarikat terkemuka dunia, Nestle Group of

Companies.

Sesi perbincangan produktif ini berlangsung sehingga jam 12.30 tengahari dan di akhiri dengan sesi penganugerahan kepada ketua

kewangan yang mendapat markah tertinggi dengan menunjukkan prestasi memberangsangkan semasa penilaian pelaporan kewangan tahun 2022. Prestasi ini telah dinilai dari segi kualiti pelarasan dan kualiti penyata kewangan oleh juruaudit luar Kumpulan FGV, iaitu Tetuan Pricewaterhouse PLT

("PwC").

Diharapkan agar penghargaan tersebut dapat membakar semangat anak-anak syarikat lain untuk turut berusaha keras untuk meningkatkan prestasi masing-masing dalam penyediaan pelaporan kewangan ini.

Kumpulan Kewangan juga akan terus memastikan pencapaian penarafan yang lebih tinggi dan meningkatkan keberkesanan proses pelaporan pada masa akan datang.

Program Pembangunan Ushawan ASNAF Negeri Kedah

Pada 9 Julai, berlangsungnya Majlis Penyampaian Hadiah dan Kit Peralatan Pemula bagi Program Pembangunan Ushawan ASNAF Negeri Kedah yang diadakan di Langkawi Tourism Academy-KKLangkawi.

SAJI mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dan Kolej Komuniti Langkawi di atas kerjasama strategik ini.

Semoga kolaborasi ini dapat memberikan impak yang besar kepada kehidupan para usahawan yang terlibat serta mampu merealisasikan impian mereka di masa hadapan.



Taklimat Produk *Weed Solut-ion* di Ladang Cahaya Ikhtiar, Terengga-



FGVAS telah dijemput bagi sesi Taklimat Produk *Weed Solut-ion* di Ladang Cahaya Ikhtiar, Terengganu dipengerusikan oleh Wan Mokhtar Wan Muda, Pengurus Besar serta dihadiri pengurusan kanan syarikat dan seramai 35 org petugas ladang.

Pembentangan *Weed Solut-ion* sebagai kaedah yang lebih lestari dalam pengurusan rumpai telah disampaikan

oleh Mohd Shazreen A Malik, Teknikal Agronomis Kanan.

Selain itu, pembentangan Racun tikus Butik S dan G2 yang lebih efisien dalam kawalan tikus di ladang telah disampaikan oleh Rozmi Mamat, Ketua Unit Pemasaran dan Teknikal.

Pihak FGV Agri mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada

pengurusan Ladang Cahaya Ikhtiar, Terengganu di atas jemputan ini.

Weed Solut-ion adalah bahan mesra alam yang berfungsi meningkatkan kecekapan kepada hampir semua jenis racun rumpai dan mengurangkan kos merumput sehingga 30% seperti yang telah diuji di ladang kelapa sawit.

FGV Seikhlas Hati



Program tanggungjawab korporat FGV Seikhlas Hati diteruskan lagi ke lokasi yang ketiga iaitu di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak pada Khamis, 13 Julai.

Menawarkan pakej barangan keluaran FGV iaitu SAJI dan Gula Prai dengan harga yang sangat berpatutan, diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu golongan B40 ini.

Program CSR ini akan diteruskan ke tujuh lokasi lain dalam masa yang terdekat.

SAJI Diiktiraf Jenama Terunggul Teratas dengan Pertambahan Pembeli Terbanyak pada Tahun 2022



SAJI, jenama produk makanan tempatan keluaran FGV Holdings Berhad (FGV), telah dinobatkan sebagai 'Jenama Terunggul dengan Pertambahan Pembeli Terbanyak pada tahun 2022' (*Top Outstanding Brand with the Most Incremental Shoppers in 2022*) oleh KANTAR, sebuah syarikat data pengguna, cerapan dan perunding terkemuka di dunia.

Anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan untuk SAJI bagi peningkatan tahunan bilangan pembeli di Malaysia sebanyak 5.4%, bagi tahun 2022. Kejayaan ini merupakan kejayaan kedua untuk SAJI setelah dinobatkan sebagai 'Jenama Terpantas Berkembang Dekad Ini' (*Fastest Growing Brand of the Decade*) pada tahun lalu, bagi perkembangan sebanyak 177% dalam indeks Titip Capaian Pengguna (CRP) antara tahun 2012 dengan jumlah 8.9 juta hingga tahun 2021 dengan jumlah 24.7 juta.

Berita selanjutnya:
<https://bit.ly/48sOIM2>

"Anugerah ini membuktikan komitmen Kumpulan FGV untuk menjadi syarikat makanan Malaysia terkemuka dengan visi untuk memperkenalkan produk makanan dan tani yang lestari ke serata dunia."
- Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV

Petronas dan FGV Biotechnologies Menandatangani Memorandum Penerokaan Perniagaan (MOBE) Teroka Pengeluaran Biodiesel

FGV Biotechnologies Sdn Bhd dan Petronas telah memeterai satu Memorandum Penerokaan Perniagaan (MOBE) untuk merintis inisiatif-inisiatif penubuhan loji PME di samping menangani secara strategik permintaan biodiesel yang semakin meningkat.

Pada masa yang sama, kedua-dua pihak akan menggabungkan kepakaran dalam penerokaan potensi bahan mentah bio berasaskan sisa. Strategi berpandangan ke hadapan ini bertujuan mengukuhkan masa depan yang lebih hijau serta lebih mampan dalam bidang tenaga dan alam sekitar.

MOBE ini merupakan satu langkah penting dalam pembangunan industri biodiesel di Malaysia.

Semoga usaha ini membantu memenuhi permintaan biodiesel yang semakin meningkat di negara ini, dan

mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan api fosil yang diimport.



FGV Transport Sertai Forum Transporter 2023 Anjuran Petronas Chemical Marketing (Labuan) Ltd (PCML)



Pada 24 Julai, FGV Transport Services Sdn Bhd telah dijemput menyertai Transporter Forum 2023 yang dianjurkan oleh PETRONAS Chemical Marketing (Labuan) Ltd ("PCML") bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan dengan tema "*Driving Towards a Safe & Sustainable Future*".

Program ini diadakan setiap tahun dan FGV Transport merupakan salah satu syarikat pengangkutan yang dilantik secara rasmi oleh pihak PCML sebagai pengendali logistik yang menguruskan penghantaran produk-produk petrokimia (*petrochemical*) milik PETRONAS yang berpangkalan di Kerteh, Terengganu dan Pengerang, Johor ke seluruh pelanggan PCML di Semenanjung Malaysia dan untuk dieksport ke luar negara.

Objektif Transporter Forum ini diadakan adalah seperti berikut: -

- Mengadakan sesi forum bersama pihak berkuasa dan badan pentadbir antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan pihak SIRIM untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu pengangkutan darat semasa.

- Membolehkan pemain industri pengangkutan berkongsi dan mengamalkan amalan terbaik dengan sasaran HSE yang lebih baik dan prestasi tahap perkhidmatan yang tinggi.
- Menggalakkan kerjasama antara PCML, penyedia pengangkutan dan pihak berkepentingan.
- Berkongsi dan memahami tentang keperluan pengawalseliaan pengangkutan jalan semasa dan cabaran yang dihadapi organisasi yang dikawal selia sendiri.
- Menyediakan platform untuk semua pengangkut serantau (utama & subkontraktor) untuk rangkaian dan perkongsian pengetahuan.

Program ini dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS Chemicals Group (PCG), Ir. Mohd Yusri Mohamed Yusof.

Pada program ini juga, FGV Transport telah terpilih sebagai pemenang tempat ke-3 bagi Kategori Booth & Pembentangan Terbaik.

Booth pameran FGV Transport memaparkan beberapa inisiatif yang sedang dan telah dilakukan oleh

Kumpulan FGV ke arah kelestarian dan teknologi hijau antaranya pembelian 95 unit lori Euro V untuk tahun 2022 dan 2023 yang menyumbang ke arah pengurangan perlepasan gas rumah hijau Karbon Dioksida, CO₂ sebanyak 3% atau bersamaan 3.8 tan metrik CO₂ setahun, berbanding lori Euro III sedia ada.

Memiliki lebih 600 unit lori dan trailer yang masing-masing menggunakan 26 unit tayar, FGV Transport dengan kerjasama FGV Rubber Industries sedang melakukan ujian tayar celup dengan campuran getah hijau (*green rubber*) yang dikenali sebagai "*Epoxidized Natural Rubber*" (ENR) yang lebih bersih dan kurang pencemaran kepada alam sekitar. Celupan ENR ini menyasarkan pengurangan CO₂ bagi setiap tayar sebanyak 50kg untuk setiap 1,000km perjalanan.

Selain itu, FGV Transport juga sedang mengkaji potensi menggunakan *rooftop Grid Connected Photovoltaic* (GCPV) sebagai sumber tenaga alternatif untuk fasiliti dan pusat-pusatnya. Ini selaras dengan komitmen Kumpulan terhadap SBTi Net Zero.

Dengan mengambil kira pelaksanaan tenaga solar, mereka menunjukkan kesungguhan terhadap kelestarian dan tanggungjawab kepada alam sekitar. Pendekatan ini mencerminkan usaha proaktif syarikat untuk mengurangkan *carbon footprint* serta beralih ke sumber tenaga yang lebih mesra alam dan boleh diperbaharui.

Amalan ini menggambarkan komitmen FGV Transport dalam membina masa depan yang lebih hijau dan menjadi contoh yang memberi inspirasi kepada pihak lain dalam industri untuk turut serta.

Karnival Sukan Amal Kumpulan FELDA & FGV



Pada 17 Julai, Institut Semarak FELDA menjadi gelanggang pembukaan Karnival Sukan Amal Kumpulan FELDA dan FGV Holdings (FGV). Karnival yang berlangsung sehingga 28 Julai ini, mempertandingkan 8 jenis permainan yang melibatkan ahli-ahli Kelab Sukan & Rekreasi FELDA (KSRLF) dan Kelab Sukan FGV (KSFGV) Zon Kuala Lumpur.

Dalam karnival ini, perlawanan pertama dimulakan dengan permainan badminton, bola sepak, bola jaring, dan dua sukan e-Sports. Ini memberi peluang kepada peserta untuk beraksi dalam pelbagai acara selain menjadi platform pemilihan pemain bagi mewakili syarikat ke

Bola Jaring	FELDA Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FGV I FGV I & PK
Bola Sepak	FELDA A Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FPM FK A & FGV B
Badminton	FGV 1 Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FELDA A FELDA B & FGV 2
E-Sport	FIFA 2023 Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FELDA FGV KFF & FELDA
Chart	FPM Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FGV A KFF & FGV B
Pine Pong	FELDA Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FGV A KFF & FGV B
Karom	FGV C Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FPM FGV A & FELDA
Sepak Takraw	FGV 6 Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	KFF 1 KFF 2 & FELDA 2
E-Sport	PUBG Mobile Johan Naib Johan Tempat Ketiga & Keempat	FGV FGV FELDA & KFF

Karnival sukan ini bertujuan untuk mewujudkan semangat kesukanan dan kebersamaan dalam kalangan peserta, di samping memupuk hubungan profesional serta memperkukuh ukhuwah di antara petugas kedua-dua organisasi.

Tahniah kepada Peserta-Peserta KSFGV Zon Kuala Lumpur yang memenangi acara-acara yang dipertandingkan dalam Karnival Sukan Amal Kumpulan FELDA dan FGV.

kejohanan-kejohanan anjuran kelab di peringkat nasional mahupun pihak luar.

Kejohanan Boling Piala GCEO 2023 Anjuran KSFGV Zon Kuala Lumpur



KSFGV Zon Kuala Lumpur telah menganjurkan Kejohanan Boling Piala GCEO 2023 pada 10 September di Wangsa Bowl, Wangsa Walk Mall.

Sebanyak 32 pasukan telah menyertai kejohanan ini dan sebanyak 6 kategori telah dipertandingkan.

Berikut adalah keputusan penuh bagi juara:

Kategori	Pemenang
Berkumpulan	FGV Transport A
Individu Veteran	Mohd Shamsudin Mohd Shah (R&D Yangambi)
Individu Lelaki	Muhammad Amin Samsuddin (FGV Transport A)
Individu Wanita	Azmalisa Tahar (DOP 2)
Markah Tertinggi (Lelaki)	Mohd Zahrin Mohd Zainudin (Kinabatangan Supers)
Markah Tertinggi (Wanita)	Nur Atikah Mohd Zainudin (FIT Kebaboom)
Markah Tertinggi (Veteran)	Shahril Ibrahim (GF Warrior)
Turkey 1	Mohd Zamri Mat Zain (R&D Yangambi)

Program Hari Terbuka HR & HSE, Divisyen R&D, Zon PPPTR



bertemakan "HR, we care" dan "Go Home Safe".

Program ini telah dirasmikan oleh Razman Radzi, Ketua Pegawai Sumber Manusia dan Shaharizan Yunus, Ketua Kesihatan, Keselamatan, & Alam Sekitar, Kumpulan FGV. Program dihadiri oleh Ketua Divisyen R&D, Ketua Pegawai Eksekutif FGVAS, Ketua Pegawai Eksekutif FGV R&D, Ketua PPPTR, Pengurusan Kanan Divisyen R&D, barisan pegawai dari Kumpulan Modal Insan, ketua-ketua jabatan dan petugas-petugas di PPPTR.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk membentuk "engagement" di antara pegawai sumber manusia, HSE dan petugas-petugas syarikat dengan berkongsi info terbaru berkaitan hal Sumber Manusia manakala

Jabatan HSE pula mempromosikan kempen keselamatan Jalan Raya.

Program Ini juga turut melibatkan beberapa agensi luar seperti Jabatan

Tenaga Kerja (JTK), PERKESO, KWSP, MIROS, AKPK, CWA, HRDC, Petrosains dan KOSPEN.

Pelbagai aktiviti dan pengisian telah diadakan antara lainnya termasuk:

- PRIDE Explorace
- Ceramah Skim Perlindungan PERKESO
- Ceramah Akta Kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja
- Demostrasi Keselamatan oleh Petrosains
- Pengurusan Kewangan oleh AKPK
- Sesi perkongsian ilmu oleh Sumber Manusia Divisyen R&D
- Pameran oleh FGV dan agensi luar

Pihak syarikat berharap program ini dapat meningkatkan libat urus antara pegawai-pegawai dari Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Kesihatan Keselamatan, & Alam Sekitar, Pengurusan Kanan FGV bersama semua petugas Divisyen R&D Zon PPPTR khususnya.

Program ini juga dilihat boleh meningkatkan pengetahuan dan pendedahan yang baru kepada semua petugas hadir pada program ini.

Program Hari Terbuka HR & HSE, Divisyen R&D, Zon PPPTR (Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak) telah berlangsung selama 2 hari yang

Program Kayuhan Tautan Kasih FGV & MAIPs Peduli



FGV Holdings Berhad (FGV) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah menganjurkan 'Program Kayuhan Tautan Kasih FGV & MAIPs Peduli' bersama DYMM Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 25 Ogos bertempat di FGV Chuping Agro Valley.

DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis juga telah berkenan mencemar duli menziarahi dan menyantuni keluarga-keluarga asnaf di sekitar Perlis bagi menyampaikan sumbangan kepada mereka.

Di samping itu, baginda juga telah berkenan menerima zakat perniagaan FGV bagi pihak MAIPs

dan menanam pokok Nangka J33 (Tekam Yellow), produk terbaru Ladang'57.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab korporat FGV sebagai salah satu usaha bagi syarikat korporat untuk menyumbang semula kepada masyarakat setempat.

Pelancaran Ayam Kampung Ladang'57 di AEON BiG, Wangsa Maju



Ladang'57 pada 15 Ogos bertempat di Aeon BiG, Wangsa Maju.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen FGV untuk memenuhi permintaan pasaran bagi ayam segar, di samping menyumbang kepada agenda keselamatan makanan negara.

Ayam Kampung Ladang'57 melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA dipasarkan di 21 pasar raya besar AEON BiG di seluruh Semenanjung Malaysia, dengan harga yang berpatutan serta berkualiti tinggi.

Berita selanjutnya:

<https://bit.ly/3EQYcDt>

FGV dengan kerjasama FELDA dan AEON BiG telah melancarkan produk

pertanian terbaharunya, 'Ayam Kampung' di bawah jenama

Breakfast Series Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV

Dalam usaha meningkatkan inisiatif komunikasi dalaman FGV, selaras dengan nilai – nilai PRIDE, Jabatan Komunikasi Strategik dengan kerjasama Kumpulan Modal Insan telah mengadakan program "Breakfast Series Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV".

Untuk sesi pertama pada 18 Ogos seramai 10 orang petugas telah terpilih dari pelbagai Syarikat Kumpulan FGV untuk turut serta dalam program ini.

Semoga sesi ini memberi manfaat dan dapat mewujudkan komunikasi yang lebih efektif dalam kalangan petugas yang terpilih berinteraksi secara langsung dengan Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.



Program Malaysia Stay & Build Experiential Leadership (GIFT)

Baru- baru ini, Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan telah menyertai Malaysia Stay & Build Experiential Leadership Programme anjuran Global Institute for Tomorrow (GIFT).

Dalam program ini, 21 eksekutif dari pelbagai industri di seluruh negara turut bersama membina pelan perniagaan untuk menghidupkan semula sistem pertanian luar bandar Malaysia demi keterjaminan makanan yang lebih luas.


Sebahagian daripada objektif program ini adalah untuk membantu menangani fenomena *brain drain* dan memotivasikan rakyat Malaysia untuk menjadi pemimpin yang berwibawa dan warganegara yang aktif dengan hasrat yang semakin mendalam.

Dengan tajuk *Making Agriculture an Attractive Career Choices for Young*

Malaysian, Dato' Nazrul yang mewakili FGV telah mengupas lebih lanjut tentang sumbangan oleh generasi muda dalam industri pertanian Malaysia. Dalam temubual tersebut, Dato' Nazrul juga menegaskan tentang peranan serta peluang dalam bidang pertanian yang tidak disedari oleh generasi muda Malaysia.

Diharapkan isu yang dikupas ini dapat membantu generasi muda lebih terbuka tentang bidang pertanian sekaligus berpeluang untuk terlibat dalam memastikan keterjaminan sekuriti makanan negara.

Info selanjutnya:
<https://bit.ly/3ERL7tp>



Forum Ramalan Perniagaan 2023



Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel Forum Ramalan Perniagaan 2023 anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) pada 13 September.

Dalam sesi *Nourishing Minds: Unraveling food insecurity and the challenges of supply chain turbulence*, ahli panel membincangkan isu keterjaminan makanan di Malaysia, di mana Dato' Nazrul turut menyatakan bahawa FGV sedang mengambil langkah penting untuk memastikan masa depan makanan yang berkualiti, berkhasiat, dan mampu milik untuk semua rakyat Malaysia.

Majlis Penyempurnaan Projek "Initiative for Community Empowerment" (ICE)

Pada 19 Ogos, telah berlangsungnya Majlis Penyempurnaan Projek "Initiative for Community Empowerment" (ICE) di Kg Kelanang, Banting, Selangor yang dirasmikan oleh Noraisyah Abu Bakar, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Melalui inisiatif SAJI Seikhlas Hati ini, seramai 100 orang ahli my Komuniti Perikanan (myKP) telah menerima sumbangan berupa



produk barangan SAJI seperti Minyak Masak SAJI, Santan SAJI, Krimer Pekat

SAJI, Garam Gunung SAJI dan Marjerin SERI PELANGI.

Selain itu, projek yang diketuai oleh "The Kindness Crew" (mahasiswa mahasiswi MBA UKM-GSB) ini, telah menyumbang dan menyediakan fasiliti mesin ais batu yang mana dapat meningkatkan kualiti hasil tangkapan ikan nelayan sekali gus membantu golongan ini menjana pendapatan.

Penyerahan Zakat Perniagaan FGV Melalui YAB Ketua Menteri Melaka

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka telah menerima zakat perniagaan FGV bagi pihak Zakat Melaka dalam satu majlis yang telah diadakan di Hotel Seri Costa Melaka, sebuah hotel yang dimiliki oleh anak syarikat FGV, Felda Travel Sdn Bhd pada 5 September.

Dalam majlis tersebut, FGV juga telah memberikan sumbangan



zakat kepada 30 orang asnaf yang telah dipilih oleh pihak Zakat Melaka.

FGV amat berbesar hati dapat menyumbangkan zakat perniagaan kepada Zakat Melaka sebagai sebahagian daripada komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat.

Program FGV Seikhlas Hati dengan Kerjasama Majlis Ugama Islam Sabah & Muslim Care Malaysia di Daerah Nabawan, Sabah

Sejumlah 701 keluarga saudara baharu dari 11 buah kampung di sekitar Nabawan dan Kundasang telah menerima sumbangan ikhlas daripada FGV Holdings Berhad (FGV) sempena program FGV Seikhlas Hati berbentuk wang tunai dan produk keluaran FGV yang diadakan di sana baru-baru ini.



Dalam majlis yang sama, Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV juga telah

menyerahkan replika cek bagi zakat perniagaan sebanyak RM6.3 juta bagi negeri Sabah kepada Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz Haji Jaafar yang menerimanya bagi pihak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan disaksikan oleh

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Ruslan Muharam.

FGV Sertai MIHAS



FGV berpeluang menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) ke-19 dengan menampilkan jenama-jenama terkemuka termasuk SAJI Malaysia, MSM Gula Prai, ADELA Malaysia, SERI PELANGI, Bright Cow, Ladang57, FGV ALMA, FGV Agri



Services Sdn Bhd, FGV Fertiliser Sdn Bhd dan KedaiFGV.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan di booth FGV bagi menarik pengunjung yang hadir. Pameran yang berlangsung selama tiga hari iaitu



pada 12 September – 15 September bertempat di Aras 1, MITEC, Kuala Lumpur diharapkan dapat meluaskan peluang perniagaan dan jenama FGV lebih dikenali di peringkat antarabangsa.

Environment, Social and Governance 2023 (i-ESG)

Dalam mengamalkan prinsip-prinsip ESG dalam operasi, FGV telah terlibat secara aktif dalam dialog ESG yang diadakan baru-baru ini.

Penyertaan FGV di dalam 'International Environment, Social and Governance 2023 (i-ESG)' anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan tema 'Realising Future World', merupakan satu platform yang menghimpunkan penyelidik, ahli akademik dan juga penggubal dasar,

untuk membentangkan penemuan mereka dan berkongsi pengalaman mereka dalam topik dan bidang berkaitan ESG.

FGV tetap komited dengan agenda ESG dengan menyokong pembangunan negara dan mewujudkan masyarakat yang lestari untuk generasi akan datang.



MSM Logistics Ptingkat Penggunaan Van Kenderaan Elektrik (EV) Pertama Keluaran Weststar Maxus eDeliver 3 EV



Melalui anak syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad iaitu MSM Logistics

Sdn Bhd bersama-sama menyokong Dasar Automotif Nasional dalam mempertingkatkan penggunaan van Kenderaan Elektrik (EV) pertama keluaran Weststar Maxus eDeliver 3 EV.

Ini selari dengan inisiatif kerajaan dalam mengurangkan pelepasan gas karbon dan meningkatkan operasi logistik ke arah yang lebih mampan.

Terkini MSM Logistik telah mempertingkatkan operasi dengan penggunaan van Kenderaan Elektrik (EV) dan menambah lapan trak (prime movers) sebagai inisiatif untuk menyelaraskan penggunaan bahan api yang lebih optimum. MSM bersama-sama meneraju kelestarian ekosistem yang lebih mampan dan berdaya saing.

World Day Against Trafficking in Persons 2023

FGV mengukuhkan komitmen kepada hak asasi manusia dengan menyertai ikrar untuk menyokong usaha Kerajaan dalam mencegah, memerangi, dan menghapuskan perdagangan manusia dan buruh paksa.

Pada 14 September, semasa program *World Day Against Trafficking in Persons* yang dianjurkan oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV telah menyampaikan ikrar syarikat kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, bersama-sama dengan beberapa



syarikat lain.

Di bawah ikrar ini, FGV komited untuk:

- Mendidik pekerja dan ahli organisasi

mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan manusia dan buruh paksa;

- Meningkatkan kesedaran mengenai hak pekerja, perlindungan, dan akses kepada penyelesaian; dan

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang buruh dan undang-undang bertulis berkaitan dengan pemerdagangan manusia dan buruh paksa.

Komitmen FGV terhadap usaha-usaha ini adalah sebagai bukti kepada komitmen kukuh FGV terhadap prinsip hak asasi manusia dan tanggungjawab sosial.

Risk Appetite Statement Workshop (RAS)

Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan (GRMD), bekerjasama dengan Syarikat Perkhidmatan Perundingan GRC, telah mengadakan bengkel *Risk Appetite Statement* (RAS) di Hotel STEG pada 16 Ogos. Inisiatif ini bertujuan untuk menyebarkan RAS Kumpulan FGV yang diluluskan ke peringkat sektor dan subsidiari, memastikan pemahaman dan penggunaan yang konsisten di seluruh FGV. Peserta-peserta termasuk pelbagai pegawai penting dari semua sektor, termasuk CEO subsidiari, Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian, dan *Risk Champion*.

Kehadiran yang cemerlang ini menunjukkan komitmen kepimpinan FGV untuk menanamkan kemahiran pengurusan risiko yang komprehensif dalam organisasi.

Sesi ini berfokus kepada peningkatan kesedaran, pembinaan pengetahuan,

dan pembangunan kemahiran yang diperlukan untuk menggabungkan prinsip-prinsip RAS ke dalam proses membuat keputusan strategik secara berkesan. Ketua Risiko Operasi GRMD,



Dzulkifly Yusof, memberikan ucapan pembukaan dan memberikan pengenalan yang mendalam mengenai RAS. Beliau menekankan kepentingan mempunyai *risk appetite* yang kukuh, yang sangat penting untuk menetapkan sempadan dalaman bagi membuat keputusan

yang berhemah dan mengambil risiko.

Seterusnya Affeiz, seorang profesional risiko berpengalaman dari GRC, memimpin perbincangan. Beliau memberikan gambaran keseluruhan '*Enterprise Risk Management*', berfungsi sebagai ulang kaji bagi peserta untuk mengukuhkan pemahaman mereka tentang risiko. Beliau kemudiannya menyelami pembangunan RAS Kumpulan FGV, selaras dengan matlamat dan objektif strategik Kumpulan. RAS ini

menentukan tahap risiko yang Kumpulan bersedia terima dalam usaha mencapai objektif strategiknya, menyediakan panduan yang boleh diukur yang menunjukkan tahap toleransi risiko FGV.

Info selanjutnya:
<https://bit.ly/3Eqmggg>

Kumpulan MSM Raikan Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 di Pulau Pinang, Putrajaya dan Johor



Satu detik yang bermakna buat MSM Malaysia Holdings Berhad dalam meraikan 66 tahun negara mencapai kemerdekaan.

Seramai 30 orang petugas MSM HQ telah menyertai perarakan Hari Kebangsaan melalui gabungan kontinjen daripada FGV yang bertempat di Putrajaya.

Manakala 54 orang petugas MSM Prai yang diketuai oleh Cheah Poh Lye telah menyertai perarakan Hari Kebangsaan bagi peringkat Negeri Pulau Pinang. Ini juga merupakan penyertaan kali kedua bagi MSM Prai.

Tahniah juga diucapkan kepada MSM Johor atas kejayaan merangkul Naib Johan untuk sependuk terbaik bagi kategori syarikat swasta dan badan bukan kerajaan. Ini merupakan penyertaan pertama bagi MSM Johor dalam perarakan sambutan Hari Kebangsaan bagi peringkat Negeri Johor. Syabas diucapkan!



Forum Minyak Sawit Malaysia - Afrika Timur 2023

FGV telah terlibat dalam beberapa acara penting di Kenya dari 4 hingga 7 Julai. Berikut adalah ringkasan aktiviti yang dijalankan oleh FGV dalam tempoh tersebut.

Pada 4 Julai, FGV telah menyertai Forum Minyak Sawit Malaysia - Afrika Timur 2023 yang dianjurkan oleh Malaysian Palm Oil Council (MPOC) di Hotel Villa Rosa Kempinski, Nairobi, Kenya. Forum ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan industri minyak sawit Malaysia kepada peserta dari Afrika Timur. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peladangan dan Komoditi Datuk Seri Fadillah Yusof telah menyampaikan ucapan dan merasmikan forum ini.

Seterusnya, dari 5 hingga 7 Julai, FGV turut terlibat dalam pameran *Food and Kitchen Africa 2023* yang diadakan di Pusat Pameran Sarit, Nairobi, Kenya.

Pameran ini merupakan acara utama untuk industri makanan dan dapur di Afrika Timur. FGV telah mempamerkan



produk-produk minyak sawit serta menjalin hubungan dengan para pelanggan dan rakan niaga dalam industri

makanan tempatan.

Pada 7 Julai, FGV juga telah menyerahkan surat balasan kepada Javicle berkenaan dengan Surat Notis Minat (LOI) yang diterima sebelum ini bertempat di Kedutaan Malaysia di Kenya.

Penglibatan FGV dalam acara-acara di Kenya ini menunjukkan usaha syarikat untuk memperluaskan pasaran dan memperluas jaringan perniagaan di Afrika Timur. Ini sejajar dengan matlamat FGV untuk menjana peluang perniagaan baru dan mengukuhkan kehadiran globalnya dalam industri minyak sawit. Diharapkan penglibatan ini akan membawa manfaat jangka panjang kepada FGV serta industri minyak sawit Malaysia secara keseluruhannya.

Pelancaran Kempen 'SAJI Terima Kasih Malaysia', Hargai Penat Lelah 'Perajurit Dapur'



Bersempena bulan kemerdekaan tahun ini, SAJI telah melancarkan kempen SAJI Terima Kasih Malaysia, yang bertemakan "Perajurit Dapur". Tema ini menjadi inspirasi yang diketengahkan oleh SAJI bagi memberi penghargaan istimewa sambil meraikan hero-hero masakan di sekeliling kita.

Tidak kira mak cik kantin, ibu bapa kita, ataupun tukang masak di restoran, mereka ini kental mempertaruhkan masa, kudrat dan

kepakaran mereka demi menghidangkan air tangan terbaik, yang digaul sehati, ikhlas dari hati. Merekalah perajurit dapur kita. Mungkin hasil usaha mereka tidak terlihat di mata, tetapi mereka yang berada di dapur inilah yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian hidangan serta citarasa.

Perajurit dapur ini bersungguh-sungguh bertempur di dapur demi memenuhi selera rakyat

Malaysia yang mempunyai pelbagai selera. Makanan jugalah yang menyatukan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Siapa saja yang boleh menolak jika dihidangkan nasi lemak, roti canai atau teh tarik di depan mata? Ia merupakan hidangan yang begitu dekat di hati rakyat Malaysia.

Selanjutnya: <https://bit.ly/481XKQ4>

Dato' Azizulhasni Awang Dilantik Sebagai Duta Jenama Bright Cow



yang berlangsung di Aras 18, Wisma FGV.

Dalam majlis tersebut, Dato' Azizulhasni Awang menyuarakan rasa syukur atas peluang untuk bekerjasama dengan Bright Cow dalam memperluaskan lagi jenama ini.

Pada 1 September yang lalu, FGV Dairy Industries Sdn Bhd (FGVDI), telah melantik pelumba trek profesional terkemuka Malaysia, Dato' Azizulhasni Awang sebagai duta jenama untuk produk yogurt Bright Cow.

Kerjasama ini telah dimeterai dalam upacara perjanjian

Semoga dengan kolaborasi bersama ini dapat mencapai matlamat FGV dalam agenda keterjaminan makanan negara yang membawa produk makanan berkualiti tinggi dan berkhasiat dengan harga yang berpatutan kepada semua rakyat Malaysia.

Majlis Pelancaran Susu UHT Bright Cow



Majlis Pelancaran Susu UHT Bright Cow yang telah disempurnakan oleh Dato' Nazrul Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV pada Khamis, 7 Julai yang lalu di Wisma FGV.

Turut hadir, Datuk Yatimah

Sarjiman, Ahli Lembaga Pengarah serta barisan kanan Kumpulan FGV.

Terima kasih bagi mereka yang hadir memeriahkan lagi majlis dan teruskan menyokong Bright Cow.

FGV SANA SINI



JUL - SEPT 2023 1. Fun Walk @ Chuping Bersempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2023 Peringkat Negeri Perlis pada 23 Sept 2. National Climate Governance Summit 2023 pada 5 Sept 3. Lawatan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia ke Kilang Sawit Jengka 3 dan FTJ Bio Power pada 4 Sept 4. Kontingen FGV Holdings Berhad Serta Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan 2023 pada 31 Ogos 5. Program "Hiking & Kibar Jalur Gemilang @ Bukit Panaroma pada 19 Ogos 6. Sambutan Orang Utan Sedunia 2023 Anjuran Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) pada 19 Ogos 7. GMP/GHP dalam Operasi Kilang Getah FGVRI pada 17 Ogos 8. Ujian Lapangan "Puncture Proof Self-Healing Tyre" oleh USM di Kilang Getah Teloi Timur, FGVRI pada 15 Ogos 9. Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 2023 MSM Prai pada 9 Ogos 10. DBKL edar 32,500 jalur gemilang sempena Hari Kebangsaan 2023 pada 7 Ogos 11. Program Latihan Menembak FGVSSSB 2023 & Pelancaran Kelab Rifel Gemencheh pada 5 Ogos 12. Program Jalinan Mesra Saji Siri 4 @ Masjid Azzubair Ibnuul Awwam pada 5 Ogos 13. Generasi baharu FELDA Terima Tawaran Biasiswa FELDA Pengajian Pendidikan Program Global Digital Leadership pada 1 Ogos 14. MSM Johor Menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat dengan Kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Johor pada 30 Julai 15. Lawatan Kerja GCEO ke KS Mempaga & Ladang Krau 2, 3 dan 4 pada 29 Julai 16. Karnival Segalanya FELDA @ Dataran Seri Jempol & Pesta Kuantan 188 pada 27 Julai 17. Kaizen Program – Green Belt Program: Lean Six Sigma (LSS) DMAIC Methodology Training for FGVR-KOP pada 11 Julai 18. Sambutan Hari Peneroka pada 7 Julai